

PM: Kecekapan sistem pengurusan kewangan tingkatkan kutipan cukai

13 OCT 2002

PUTRAJAYA 12 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan kewangan negara berjaya mempertingkatkan kutipan cukai, seterusnya membolehkan kerajaan menyediakan Bajet 2003 yang menyediakan peruntukan tertinggi berbanding bajet-bajet sebelum ini.

Menurut Perdana Menteri, peningkatan itu dijangka berterusan walaupun kerajaan tidak memperkenalkan cukai-cukai baru pada bajet yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

“Kita berjaya meningkatkan perolehan negara sebelum ini dengan keberkesanan tugas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) meningkatkan kutipan cukai yang sedia ada.

“Semua ini cukup membuktikan bahawa

kita mampu menyediakan bajet seperti itu walaupun menerima kritikan daripada beberapa pihak,” katanya yang juga Menteri Kewangan ketika berucap pada Majlis Malam Bajet 2003 di Kompleks Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Malam Bajet 2003 diadakan bagi menghargai semua kakitangannya yang terlibat dengan penyediaan bajet yang dibentangkan di Dewan Rakyat bulan lepas.

Bajet tersebut memperlihatkan kerajaan tidak menaikkan cukai ataupun mengenakan cukai baru pada tahun depan dan bagi memastikan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, ia akan mempergiatkan usaha pematuhan pembayaran cukai menerusi LHDN dan Jabatan Kastam.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kadar rasuah yang rendah di kalangan kakitangan kerajaan turut menyumbang kepada peningkatan perolehan negara.

Keadaan tersebut jelasnya, menyebabkan kecekapan pegawai kerajaan meningkat kerana bertugas dengan cekap dan jujur.

“Ada negara yang mempunyai kadar rasuah tinggi dan ia telah merosakkan perkembangan ekonomi mereka,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia telah pulih daripada kegawatan ekonomi dan kini mengekalkan prestasi yang baik walaupun dengan pertumbuhan yang tidak tinggi.

“Keadaan itu adalah baik sedangkan dunia kini sedang mengalami kegawatan ekonomi,” jelasnya.

Oleh itu katanya lagi, bajet berkenaan telah diterima dengan baik oleh rakyat termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).